

13/12/1997

Turunkan gaji tidak munasabah

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta sektor swasta mengurangkan pembayaran gaji yang tidak munasabah kepada pegawai eksekutif peringkat tertinggi dan pertengahan syarikat masing-masing.

Sambil menyifatkan pembayaran gaji seharusnya selaras dengan keuntungan dan kos pengeluaran syarikat, Perdana Menteri berkata, syarikat swasta juga tidak harus tunduk kepada tuntutan eksekutif baru, terutama jurutera yang baru keluar dari universiti yang meminta gaji tinggi.

Menurutnya, eksekutif terbabit tidak harus dibayar terlalu tinggi seperti 'masa mewah' sebelum kejatuhan mata wang dan pasaran saham tempatan supaya tindakan itu dapat membantu negara menangani kegawatan ekonomi semasa.

"Malah, salah satu sebab kos kontrak meningkat juga kerana gaji terlalu besar yang dibayar kepada eksekutif sesebuah syarikat," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) sekembalinya dari Sidang Puncak Kelapan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Teheran, hari ini.

Dr Mahathir berkata, eksekutif yang baru memasuki dunia pekerjaan tidak seharusnya meletakkan harga terlalu tinggi seperti yang berlaku sebelum ini apabila mereka sendiri menentukan gaji yang perlu dibayar tanpa mengikut skim.

Menurutnya, sikap sedemikian jelas menunjukkan mereka mengambil kesempatan daripada kekurangan pekerja di samping syarat kerajaan yang memastikan rakyat tempatan mendapat kerja dulu daripada orang asing.

"Tetapi, mereka tidak sedar, yang menjadikan negara kita mewah, bukan dia orang. Mereka hanya mengambil kesempatan daripada kemewahan itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan seperti itu tidak harus berlaku kerana kakitangan awam sendiri terpaksa menerima pembekuan kenaikan gaji.

Isnin lalu, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan di Parlimen mengenai pembekuan kenaikan gaji kakitangan awam bagi peringkat pengurusan dan kategori A dan B sehingga keadaan ekonomi negara pulih semula.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan pemotongan gaji 10 peratus bagi menteri Kabinet dan timbalan menteri, manakala Ahli Parlimen pula dipotong tiga peratus.

Sementara itu, Anwar meminta sektor swasta mengubah suai gaji eksekutif dan pengurusan tertinggi syarikat kerana pendapatan golongan itu adalah terlalu tinggi tetapi tidak mengorbankan hak dan pendapatan pekerja bawahan.

"Saya percaya ketika kita menghadapi kemelut ekonomi sekarang, kita guna kebijaksanaan, kita ambil langkah yang perlu untuk membuat penyesuaian dengan keadaan semasa," katanya berucap merasmikan Wisma Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) di sini, hari ini.

Bangunan tujuh tingkat bernilai RM3.4 juta yang dibeli secara tunai itu kini menjadi ibu pejabat baru MTUC. Ibu pejabat lama kesatuan sekerja itu di Jalan Barat, di sini dijual dengan harga RM15 juta sebelum ini.

Hadir sama ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek dan Presiden MTUC, Zainal Rampak.

Anwar meminta sektor swasta mencontohi langkah kerajaan memotong gaji pegawai kanan kerajaan kategori A dan B.

"Kadar upah golongan profesional dan pengurusan harus dikurangkan kerana

pendapatan golongan itu di negara ini adalah terlalu tinggi," katanya.

Sambil merujuk langkah kerajaan memotong belanjawan tahun depan sebanyak 18 peratus, beliau berharap syarikat swasta melakukan pengubahsuaian mulai sekarang seperti yang pernah dibuat oleh kerajaan kerana pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka perlahan tahun depan akan menjejaskan prestasi syarikat yang tidak membuat persiapan awal.

(END)